

20/03/2001

Dasar Sosial Negara digubal (HL)

Kadir Dikoh; Wan Esuryanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan menggubal satu dasar baru - Dasar Sosial Negara - bertujuan membangunkan sebuah masyarakat Malaysia yang teguh dalam semua segi, dengan keutamaan melahirkan insan bermoral, demi kesejahteraan negara.

Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, bertitah dasar itu akan membentuk dan membangunkan masyarakat sihat, teguh dan utuh moral, kerohanian, emosi, mental dan fizikal, demi kesejahteraan insan, agama, bangsa dan negara.

"Dengan pelaksanaan dasar ini, perpaduan antara pelbagai kaum akan terus dieratkan demi menjaga keselamatan tanah air daripada ancaman musuh. Beta juga ingin mengingatkan semua rakyat supaya bersama-sama mengeratkan perpaduan demi menjaga keselamatan tanah air kita daripada ancaman musuh.

"Elakkan perkara yang boleh merenggangkan hubungan antara kaum kerana ini boleh menjejaskan kemakmuran dan kestabilan politik," titah Seri Paduka ketika merasmikan Mesyuarat Pertama, penggal Ketiga Parlimen Ke-10, di Bangunan Parlimen, hari ini.

Ketibaan Seri Paduka dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah, disambut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Speaker Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail, dan Yang Dipertua Dewan Negara, Datuk Michael Chen, serta isteri masing-masing.

Ia diikuti istiadat perbarisan kawalan kehormatan dan tembakan meriam 21 das. Setelah selesai istiadat di Dataran Parlimen, Seri Paduka berdua berangkat ke bilik rehat Diraja Parlimen sebelum diiringi ke Dewan Rakyat.

Sultan Salahuddin turut mengingatkan umat Islam supaya sentiasa menjaga kesucian masjid dengan mengekalkannya sebagai tempat beribadat kepada Allah dan mengeratkan perhubungan sesama Islam.

"Janganlah disalahgunakan masjid yang suci sehingga menjadikannya sebagai tempat menimbulkan perpecahan dan mencetuskan perasaan benci membenci serta mencaci pihak lain," titah baginda.

Seri Paduka menasihatkan orang Melayu, sebagai umat Islam, supaya sentiasa bersatu padu, manakala kerajaan sendiri terus berusaha menyatukan bangsa Melayu dan menghindari perpecahan.

Dalam ucapan yang menyentuh pelbagai aspek termasuk ekonomi, pembangunan negara dan usaha membasmi kemiskinan, Seri Paduka menegaskan, demi perpaduan kaum juga, usaha memperbetulkan ketidakseimbangan ekonomi di kalangan kumpulan etnik akan diteruskan.

Langkah itu, termasuk memberi penekanan terhadap usaha menyusun semula hak milik korporat, termasuk mempromosikan pembabitan cergas Bumiputera dalam ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi) dan memperkukuhkan daya saing mereka dalam menangani cabaran ekonomi tanpa sempadan.

"Kerajaan beta akan meneruskan agenda pembangunan Bumiputera, khususnya pembangunan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera yang lebih dinamik dan berdaya saing," titah baginda.

Satu program baru iaitu "Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat" akan dilaksanakan di kawasan yang mencatat insiden kemiskinan yang tinggi, termasuk di kalangan masyarakat Orang Asli.

Seri Paduka bertitah, usaha mengurangkan kadar kemiskinan akan terus diberi perhatian selaras dengan sasaran membasmi sepenuhnya kemiskinan mutlak menjelang 2005.

Baginda yakin kedua-dua rancangan pembangunan iaitu Rangka Rancangan

Jangka Panjang Ketiga dan Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) yang akan dilancarkan tahun ini dapat meneruskan agenda pembangunan Malaysia, dalam dekad baru ini.

"Di bawah RM-8, pembangunan desa akan terus diperhebatkan ke arah mewujudkan desa sebagai kawasan yang maju, menarik dan menguntungkan, selaras falsafah dan strategi baru pembangunan luar bandar.

"Tumpuan akan diberikan kepada pembangunan prasarana untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat desa dan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi," titah baginda.

Seri Paduka meminta kerajaan dan rakyat meneruskan usaha gigih bagi meningkatkan keteguhan dan daya saing ekonomi supaya dapat mengharungi ketidaktentuan masa hadapan demi mencapai pertumbuhan ekonomi yang berkekalan untuk kesejahteraan rakyat.

Baginda bertitah, wujud pelbagai risiko dari dalam dan luar negara yang boleh menjejaskan kedudukan ekonomi semasa dan menggagalkan usaha Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju menjelang 2020.

Baginda turut menjelaskan mengenai usaha intensif bagi memperkenalkan Malaysia sebagai pusat pengilangan yang unggul di rantau ini dalam menarik pelaburan asing.

Malaysia, titah Seri Paduka, akan terus mengambil bahagian secara aktif dalam kumpulan kerjasama ekonomi serantau untuk memperkukuhkan kerjasama ekonomi pada peringkat antarabangsa.

"Kerajaan akan meningkatkan lagi daya saing pelabuhan melalui gabungan strategik dengan syarikat perkapalan induk dan pengendali pelabuhan utama di dunia dan untuk itu, Lembaga Pelabuhan Malaysia akan diwujudkan bagi mengawal selia pelabuhan tempatan," katanya.

Mengenai dasar luar pula, Seri Paduka bertitah kerajaan akan mengamalkan dasar yang proaktif sebagai lanjutan kepada perkembangan dasar dalam negara.

"Keutamaan akan diberikan ke arah memperkukuhkan hubungan dua hala dengan semua negara sahabat, terutama anggota Asean, pertubuhan Islam dan negara-negara Selatan," titah baginda.

(END)